

# PERKHIDMATAN SUMBER ELEKTRONIK

## PERPUSTAKAAN BESTARI ARAS 1, ANJUNG BESTARI



### ZON KANAK-KANAK

Zon ini menawarkan 15 tablet dan perkhidmatan buku *Augmented Reality*, khas untuk kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah menjadikan pengalaman membaca lebih menyeronokkan



### ZON INTERAKTIF

Zon ini menyediakan 4 tablet untuk akses mudah dan pantas ke e-majalah PNM, memberikan pengalaman membaca digital yang lebih menarik dan praktikal



### ZON PEMBACA

Zon Pembaca ini menawarkan 32 tablet untuk akses lancar ke pelbagai bahan digital PNM, menjadikan pengalaman membaca lebih moden dan interaktif



### ZON KERJA

Zon ini dilengkapi dengan 7 komputer riba dan 4 komputer (*all-in-one*), menyediakan kemudahan terbaik untuk tugas kesetiausahaan dan kerja-kerja akademik

# PERKHIDMATAN SUMBER ELEKTRONIK

## ZON SIBER ARAS 2, ANJUNG BESTARI



### ZON SIBER

Zon Siber menawarkan perkhidmatan komputer, internet berkelajuan tinggi dan ruang perbincangan yang selesa untuk keperluan pengguna



### BILIK IDEA & KREATIF

Bilik ini direka untuk perbincangan produktif dalam suasana yang tenang dan selesa. Sesuai untuk sesi brainstorming dan perkongsian idea, dengan kemudahan moden yang menyokong kreativiti



### STUDIO FOTOGRAFI & SUNTINGAN

Studio ini menawarkan peralatan dan kelengkapan fotografi dan dilengkapi komputer bagi tujuan suntingan dengan tempahan perlu dibuat 5 hari bekerja lebih awal



### MINI STUDIO

Studio ini menawarkan kelengkapan rakaman audio dan suntingan dengan tempahan perlu dibuat 5 hari bekerja lebih awal



### BILIK EKSKLUSIF

Ruang profesional dengan suasana tenang, ideal untuk perbincangan penting dan keputusan terbaik. Sesuai untuk eksekutif yang memerlukan ruang peribadi dan fokus

# PERKHIDMATAN SUMBER ELEKTRONIK

## PUSAT HIPERMEDIA DEWASA ARAS 4, ANJUNG BESTARI



### **VIDEO ON DEMAND (VOD)**

Menawarkan perkhidmatan rujukan audiovisual secara interaktif dan menarik. Perkhidmatan VOD turut menyediakan perkhidmatan menonton filem daripada koleksi audio visual PNM keluaran tempatan dan antarabangsa



### **PAWAGAM MINI**

Perkhidmatan tayangan filem serta rujukan audiovisual dengan ruang yang selesa seperti berada di pawagam sebenar



### **RUANG SANTAI**

Ruang ini dilengkapi dengan leisure chair yang selesa, serta perkhidmatan video & radio untuk hiburan tanpa henti. Sesuai untuk merehatkan minda, menikmati suasana tenang dan melayan tontonan atau muzik kegemaran



### **BILIK LATIHAN**

Perkhidmatan yang menawarkan kemudahan komputer berserta internet sebanyak 31 unit bagi tujuan bengkel, kursus dan latihan dengan tempahan perlu dibuat 5 hari bekerja lebih awal